

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR – BN ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. <sup>52</sup>~~53~~)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pendirian Kementerian dalam memberi jaminan untuk terus memartabatkan golongan belia mendengar isi hati dan suara mereka bersesuaian dengan pendekatan Kerajaan untuk orang muda.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sangat prihatin dengan isi hati dan suara anak-anak muda. Oleh yang demikian, pihak kementerian telah mewujudkan satu pendekatan baru untuk membantu menjayakan potensi dan memenuhi keperluan anak-anak muda masa kini.
2. Kementerian telah menyediakan ruang kepada golongan belia untuk menyuarakan pandangan menerusi Parlimen Belia Malaysia, Program Felo Perdana dan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) sama ada diperingkat daerah, negeri dan kebangsaan.
3. Selain itu, program Rakan Muda Baru telah dilancarkan pada 17 Februari 2015. Program ini diolah semula bagi membolehkan anak-anak muda menyerlah dan mengembangkan bakat dalam diri mereka. Melalui pendekatan ini, anak-anak muda sendiri akan merancang dan melaksanakan aktiviti mereka dalam bentuk "*Showcase of Talent*" dan pihak kerajaan akan berperanan menyokong dan menjadi pemudah cara atau 'facilitator' dalam menjayakan aktiviti-aktiviti mereka.
4. Program Rakan Muda baru ini juga memberi peluang kepada anak-anak muda untuk mempunyai aksesibiliti yang lebih meluas dan mudah hasil Rakan Muda yang lebih digital untuk berhubung terus dengan pihak kerajaan. Laman web Rakan Muda yang baru akan

memudahkan penyampaian maklumat dan perkhidmatan di antara pihak kementerian dan anak-anak muda.

Sekian, terima kasih.